

BAB LIMA: KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bagi memanfaatkan hasil kajian ini, penulis dapat simpulkan beberapa perkara. Antaranya ialah hukum pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* adalah dilarang di sisi majoriti ulama. Namun di Malaysia, ia tetap dapat dilaksanakan selepas perbincangan dalam kalangan pakar ekonomi dan syariah. Manakala, produk pembiayaan peribadi pula penting dan diperlukan dalam sesbuah intitusi untuk membantu para pelanggan yang memerlukan pembiayaan persendirian.

5.2 Rumusan

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelum ini, maka penulis akan merumuskan dapatan-dapatan penyelidikan ialah seperti berikut:

- i. *Bay‘ al-‘inah* ialah suatu transaksi jual beli secara tangguh. Ia melibatkan kepada dua proses akad. Akad pertama ialah penjual akan menjual sesuatu aset kepada pembeli. Kemudian, akad yang kedua pembeli menjual kembali aset tersebut kepada penjual. Harga untuk transaksi yang pertama lebih rendah daripada harga untuk transaksi yang kedua. Tambahan lagi, cara pembayaran untuk transaksi pertama secara ansuran manakala cara pembayaran untuk transaksi yang kedua secara tunai. Ringkasnya, perbezaan antara transaksi pertama dan transaksi kedua *Bay‘ al-‘inah* dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 5.1: Perbezaan antara Transaksi Pertama dan Transaksi Kedua *Bay‘ al-‘Inah*

| Perkara | Transaksi pertama | Transaksi kedua |
|--------------|---|--|
| Situasi | Penjual menjualkan aset kepada pembeli. | Pembeli menjual kembali aset tersebut kepada penjual asal. |
| Harga jualan | Harga yang rendah. | Harga yang tinggi daripada harga asal. |
| Cara bayaran | Ansuran. | Tunai. |

- ii. Setiap mazhab, mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap definisi *Bay‘ al-‘Inah*. Namun begitu, maksud sebenarnya adalah sama iaitu beli dan jual balik kepada penjual asal, yang berbeza hanyalah lafaz sahaja.
- iii. Hukum *Bay‘ al-‘Inah* menjadi kontroversi dalam kalangan ulama sejak zaman berzaman. Masing-masing berpegang kepada dalil tersendiri untuk berhujah. Oleh itu, terdapat dua pendapat mengenai hukum tersebut. Pendapat pertama menyatakan bahawa *Bay‘ al-‘Inah* adalah haram dilaksanakan. Ini kerana ia adalah salah satu hilah kepada riba. Mereka adalah dari kalangan mazhab Maliki, Hanbali dan majoriti ulama kontemporari dari Timur Tengah.
- iv. Manakala pendapat kedua yang menyatakan bahawa *Bay‘ al-‘Inah* adalah harus ialah dari kalangan mazhab shafi’i dan sebahagian daripada mazhab hanafi. Mereka berpendapat sedemikian kerana tidak terdapat dalil yang sahih yang menyatakan bahawa *Bay‘ al-‘Inah* haram dilaksanakan dan tidak mungkin sama sekali Allah lupa untuk menyebutnya di dalam nas al-Quran.

- v. Rukun dan syarat dalam transaksi *Bay‘ al-‘inah* adalah sama dengan rukun dan syarat transaksi jual beli yang lain. Yang berbeza hanyalah terdapat dua akad yang berlainan dalam transaksi *Bay‘ al-‘inah*.
- vi. Terdapat dua bentuk *Bay‘ al-‘inah* yang dapat dikonklusikan disini. Bentuk yang pertama ialah penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual balik barang yang di jual. Hukum transaksi ini telah diharamkan oleh keseluruhan ulama. Justeru, bentuk yang kedua pula ialah penjual tidak mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual kembali barang yang di jual kepadanya. Maka transaksi inilah yang menjadi pertikaian hukum oleh ulama.
- vii. Terdapat syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak perbankan untuk melaksanakan prinsip *Bay‘ al-‘inah*. Syarat-syaratnya ialah perlu menepati syarat yang telah disepakati oleh mazhab shafi’i iaitu tidak mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual kembali barang tersebut kepada penjual asal. Manakala syarat kedua yang perlu dipenuhi ialah tidak menggunakan barang ribawi dalam urus niaga. Oleh yang demikian, syarat-syarat tersebut telah disepakati oleh majlis penasihat syariah.
- viii. Pembiayaan peribadi ialah perkhidmatan bank memberi pinjaman kepada pelanggan atas urusan peribadi. Ia adalah produk yang diharuskan dalam Islam, kerana operasi yang dijalankan tidak bertentangan dengan Islam dan mempunyai ciri-ciri *ta’awun*.

- ix. Am Bank Berhad pada awalnya dikenali sebagai Arab Malaysian Development Bank Berhad. Kemudian dikenali juga dengan Arab Malaysian Finance Berhad dan diikuti dengan Arab Malaysian Merchant Bank Berhad. Seterusnya pada tahun 2002 Am Bank Berhad membuat penjenamaan semula dengan menamakan sebagai Am Bank Group. Pada tahun 2006, AmIslamic Bank Berhad memulakan operasi. Terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan yang berlandaskan Islam telah ditawarkan oleh bank ini. Prinsip *Bay‘ al-‘inah* juga diperkenalkan pada tahun yang sama operasi perbankan Islam untuk pembiayaan peribadi.
- x. Komoditi murabahah merupakan salah satu alternatif untuk digantikan dengan *Bay‘ al-‘inah* kerana pengamalannya telah diterima oleh ramai ulama semasa.

5.3 Cadangan dan Saranan

Terdapat beberapa cadangan dan saranan dari penulis supaya bidang ekonomi Islam ini terus mendapat perhatian. Secara tidak langsung, dengan cadangan ini ia dapat memperbaiki lagi bidang ekonomi Islam. Antara saranan penulis ialah:

- i. Instrumen pembiayaan peribadi berdasarkan komoditi murabahah disarankan untuk digunakan oleh institusi perbankan Islam bagi menggantikan instrumen *Bay‘ al-‘inah* yang di lihat kontroversial.
- ii. Ahli majlis penasihat syariah bank-bank Islam harus sentiasa teliti dengan produk-produk baru yang akan dikeluarkan dan perlu senantiasa mengkaji atau mencari alternatif baru untuk produk yang mempunyai kesamaran hukumnya.

- iii. Pihak media tidak kira sama ada media cetak atau elektronik perlu berusaha untuk mempromosikan perbankan Islam agar masyarakat dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang kelebihan kepada masyarakat mengenai transaksi berdasarkan perbankan Islam.
- iv. Para pendidik juga memainkan peranan penting untuk menyampaikan kelebihan-kelebihan pembiayaan peribadi perbankan Islam kepada pelajar. Terutama kepada pendidik di peringkat sekolah, kerana bermula dari situlah mereka berurusan dengan perbankan dan menyimpan wang tabungan mereka.

5.4 Penutup

Berdasarkan perbincangan *bay‘ al-‘inah*, penulis telah memfokuskan huriaian tentang *bay‘ al-‘inah* yang diterima pakai oleh AmIslamic bank. Dari sudut realiti, pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* telah ditolak oleh ramai pihak sarjana Syariah semasa kerana terdapat isu riba dalam akadnya. Lantaran itu, institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia perlu mencari alternatif lain dalam penawaran produk pembiayaan peribadi agar produk yang di pilih oleh pihak institusi bank bertetapan dengan Syariah seperti komoditi murabahah. Oleh itu, masyarakat Islam haruslah memberi sokongan kepada institusi kewangan Islam dengan melanggan produk-produk yang telah mengikut ketetapan syarak sebagai merealisasikan jihad ekonomi untuk meningkatkan pencapaian ekonomi umat Islam pada hari ini. Malahan, pihak institusi perbankan Islam juga perlu sentiasa mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan dengan menggunakan media sebagai satu wasilah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang produk-produk tersebut.

Sebagai konklusi, kajian pembiayaan peribadi ini perlu diteruskan oleh generasi akan datang bagi menghasilkan sumbangan untuk memperkembangkan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.